

**NO. SOALAN: 32**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN**

**TARIKH : 18 OKTOBER 2016**

**RUJUKAN : 9291**

**SOALAN:**

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Riza Shahriz bin Abdul Aziz dan Low Taek Jho atau Jho Low berada dalam Malaysia atau sejak bila mereka tidak kembali ke Malaysia. Adakah mereka telah dipanggil siasat oleh pihak polis berkenaan dengan siasatan kes 1MDB dan bila dan di mana pertemuan berlaku.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) masih menjalankan siasatan ke atas Syarikat 1Malaysia Development Berhad [1MDB] di bawah seksyen 409 Kanun Keseksaan. Dalam proses siasatan ini, pihak polis telah merakam percakapan daripada sejumlah saksi tertentu dan akan meneruskan tindakan siasatan dengan memanggil serta merakam percakapan mana-mana pihak yang terlibat dan dapat membantu siasatan polis ke atas kes 1Malaysia Development Berhad [1MDB] termasuk penama berkenaan jika ada keperluan.**

**Kertas siasatan polis juga telah dikemukakan ke Jabatan Peguam Negara dan polis kini sedang menjalankan siasatan lanjut ekoran daripada arahan dari Jabatan Peguam Negara. Bagi memastikan proses siasatan yang sedang dijalankan tidak terganggu, pihak Kementerian tidak akan mendedahkan butiran siasatan sehingga siasatan diselesaikan dan keputusan muktamad mengenai siasatan dibuat oleh Jabatan Peguam Negara.**